

'Umno harta paling berharga bagi orang2 Melayu'

MUAR, Khamis — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, Umno adalah warisan Melayu dan harta paling bernilai bagi perjuangan mempertahankan kedaulatan serta membangunkan negara.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno menyatakan demikian ketika menutup perayaan Jubli Perak dan miniekspe perdagangan Umno cawangan Bandar "A" di sini.

Beliau menjelaskan, sebagai khazanah orang Melayu Umno hendaklah dipelihara supaya ia terus memperjuangkan hak-hak politik Melayu di negara ini.

Katanya, Umno akan terus berjuang meninggikan ekonomi orang Melayu dalam pembangunan negara melalui lapangan perusahaan dan perindustrian.

Datuk Abdullah berkata, Umno mempunyai ketahanan yang sentiasa dikukuhkan melalui perpaduan dalam parti dan dengan itu ia tidak per-

nah tergugat sebagai parti yang terkuat di negara ini.

Menurutnya, ada usaha cuba memecahbelahkan orang-orang Melayu melalui fahaman nasionalisme Melayu, tapi usaha itu tidak berjaya kerana perpaduan dalam Umno selama ini menjamin kekuatan Umno.

Menurut beliau, cawangan-cawangan Umno adalah peringkat terpenting bagi memelihara kekuatan Umno seluruhnya.

Tegasnya, perjalanan cawangan-cawangan Umno mesti diberi perhatian istimewa kerana kehendak-kehendak yang disuarakan dari cawangan adalah inspirasi ahli-ahli Umno sendiri.

Beliau berharap cawangan-cawangan Umno memesatkan segala kegiatannya dan berusaha menambah keahlian, terutama dari generasi muda.

Tambahnya, generasi muda hari ini harus dikenalkan secara lebih dekat sejarah perjuangan Umno sebagai penyelamat bangsa Melayu.